

Apa kesamaan Trump, Brexit dan gerakan sayap kanan Eropah

Nur Adilah Mahbob

Berita Harian, 24 October 2016

Donald Trump di Amerika Syarikat, Brexit di United Kingdom, dan gerakan sayap kanan ekstrem di Eropah adalah sebahagian satu fenomena global, kata Duta Kelana Singapura Bilahari Kausikan.

Malah, trend serupa boleh dilihat di rantau ini dalam pemilihan Presiden Rodrigo Duterte di Filipina, dan Presiden Joko Widodo di Indonesia.

"Mereka melambangkan kemunculan orang luar: golongan populis yang memanfaatkan rasa nostalgia tentang khayalan masa lalu, atau emosi orang yang kerugian dalam ketidakadilan globalisasi.

"Ini dikekalkan menerusi sentimen antiwarga asing yang diapi-apikan," ujar Encik Kausikan.

Fenomena itu memaparkan sikap nasionalis pada tahap yang berbeza.

Mereka juga mewakili rasa kekecewaan rakyat terhadap kepimpinan politik yang lebih mapan.

Encik Kausikan berkata demikian ketika berucap di majlis pelancaran bukunya, *Dealing with an Ambiguous World* (Mengharungi Dunia yang Samar-samar), di Sekolah Dasar Awam Lee Kuan Yew NUS, baru-baru ini.

Mengenai Encik Trump, Encik Kausikan berkata calon Republikan Amerika itu menyalurkan rasa tidak puas hati golongan kulit putih bukan lulusan kolej daripada kelas bawah pertengahan dan rendah.

Sebelum ini, sungutan golongan itu hanya kedengaran sesama mereka, tetapi kini ia meraih wadah awam menerusi Encik Trump, yang ironisnya seorang jutawan, kata Encik Kausikan.

Brexit pula mendedahkan ketidakcekapan kelas kerajaan United Kingdom, dalam kedua-dua pihak, baik yang berkempen mahu meninggalkan Kesatuan Eropah (EU), mahupun sebaliknya.

Gerakan sayap kanan Eropah pula, menurut Encik Kausikan, adalah akibat "kesombongan elit politik Eropah yang dikaburi kemegahan wawasan sendiri mereka tentang Eropah, hingga mereka mengetepikan keprihatinan pengundi mereka".

Mengulas Presiden Jokowi pula, Encik Kausikan berkata meskipun pemimpin Indonesia itu sebahagian daripada fenomena global, beliau tidak bersikap ekstrem.

"Sudah tentunya beliau seorang nasionalis. Warga Indonesia mana yang bukan nasionalis? Saya juga nasionalis dan saya pasti anda juga. Nasionalis dengan sendirinya bukan satu perkara yang buruk," ujar beliau.

Tambahnya, Presiden Jokowi ialah seorang nasionalis yang menginginkan yang terbaik bagi rakyatnya.

Ini dapat dilihat dalam cara Presiden itu menangani jerebu sedang beliau akur mangsa utama bencana itu sebenarnya adalah rakyatnya sendiri.

Berhubung Filipina, Encik Kausikan berkata sedang Presiden Duterte cuba mencapai persetujuan dengan China dalam isu Laut China Selatan, persetujuan tersebut tidak harus menjejaskan prinsip asas yang penting bagi kedua-dua negara membuat tuntutan atau sebaliknya.

Mengenai sentimen antiwarga asing di Singapura pula, Encik Kausikan berkata sentimen itu buat masa ini boleh ditangani dan tidak seteruk di negara lain, walaupun ada parti politik yang cuba mengapi-apikan perasaan itu dalam pilihan raya umum sebelum ini.

Dalam pada itu, beliau terus menekankan bahawa warga Singapura perlu sedar dan memahami perkembangan ehwal luar kerana ia akan menjejaskan negara kecil ini.

"Perkembangan di Amerika selepas pilihan raya, dan sebuah EU selepas Brexit yang mungkin menyaksikan naluri bersifat perlindungan (protectionist) meningkat tanpa pengaruh UK - ini semua boleh bercampur aduk dan mempunyai kesan yang strategik bagi rantau ini," katanya.